

---

*Linggi Awal*

---

## PENGENALAN



AMA Linggi pertama kali dicatatkan oleh Eredia di atas dokumen adalah dalam tahun 1613. Namun, selain daripada mencatatkan nama *Linge* yang dikenal pasti oleh Mills sebagai Linggi (Mills, 1930:209), Eredia tidak memberikan sebarang maklumat lanjut. Oleh sebab ia telah tercatat dan ditunjuk dalam peta, memungkinkan kita merumuskan bahawa pada sekitar bahagian pertama abad ke-17, Linggi sebagai suatu petempatan telah wujud. Namun oleh sebab ketandusan fakta dan data, kita tidak dapat memperkatakan keadaan tempat dan masyarakat yang menetap di situ. Dengan demikian, sehingga suatu penyelidikan terperinci dilakukan dengan menggunakan kaedah arkeologi ataupun membuat kajian secara mendalam dan teliti ke atas dokumen-dokumen Portugis dan Belanda, pensejarahan *Linge* Eredia tidak mungkin diutarakan.

Nama Linggi muncul semula dalam dokumen Belanda pada sekitar tahun 1700-an. Namun, lokasinya tidak lagi di kawasan yang dicatatkan oleh Eredia. Jikalau *Linge* Eredia terletak di tebing sungai (Sungai Batang Penar atau Sungai Linggi sekarang) di bahagian pedalaman, Linggi catatan Belanda terletak di kawasan pinggir pantai dan berhampiran dengan kuala sungai yang sama. Mengapa berlaku perpindahan lokasi tersebut, setakat ini sejarah—persejarahan dan pensejarahan kawasan tersebut masih kurang jelas.

Pensejarahan 'Linggi' di Kuala Linggi ini agak berbeza dengan *Linge* Eredia. Di bahagian awal penulisan ini, secara ringkas telah dinyatakan bahawa petempatan di Kuala Linggi itu telah wujud sejak zaman kerajaan Melayu Melaka. Pada ketika itu ia dikenali sebagai Kuala Penajuh. Persoalan yang timbul sekarang ialah di manakah letaknya perkampungan atau untuk meminjam istilah *Sejarah Melayu*, 'pasar' Kuala Penajuh itu. Berkaitan dengan persoalan terakhir ini, catatan Begbie (1834) mungkin dapat serba sedikit memberikan petunjuk. Begbie menyatakan bahawa:

Di beberapa bahagian hutan, antara kuala (Linggi) dan Tanjung Serai ada bekas cerang purba, (mungkin petempatan Bugis awal), makam-makam, perigi-perigi

## SEJARAH LINGGI

tua dan sebagainya—suatu keadaan yang boleh mendorong kita mempercayai bahawa di situ, suatu ketika dahulu, adalah satu tempat yang ramai penduduknya.

(Begbie, 1834, cetakan semula, 1967: 394)

Secara tidak langsung petikan diatas dapat memberi dua petunjuk dalam membuat kajian bagi menentukan lokasi Linggi Awal. Pertamanya ialah 'bekas cerang purba' yang ditemui di kawasan tersebut. Ini memberikan kita satu petunjuk untuk mencapai satu kepastian bahawa petempatan itu telah lama dibuka; mungkin lebih awal dari tahun 1700. Ini dikuatkan lagi dengan penggunaan kata 'purba' (istilah Begbie: *ancient*) dan tidak 'lama' (old) bagi menerangkan keadaan kawasan tersebut. Di samping itu Begbie juga telah menyatakan adanya bekas 'makam dan perigi lama'. Dalam menggambarkan makam dan perigi 'lama' itu Begbie telah menyebutnya dalam konteks jamak. Walaupun Begbie menggunakan kata 'lama' (old) bagi menerangkan keadaan makam dan perigi yang ada, namun terawal daripada itu, semasa menerangkan keadaan bekas cerang tersebut, Begbie telah menggunakan istilah 'purba' (*ancient*). Ini secara tidak langsung bermakna bahawa 'makam dan perigi' tersebut adalah juga 'purba'.<sup>1</sup> Rumusan yang dapat kita capai di sini ialah bahawa kawasan tersebut telah didiami lebih daripada seratus tahun. Jikalau pernyataan terakhir ini boleh diterima maka kesimpulan yang dapat diutarakan ialah di kawasan tersebutlah letaknya petempatan Kuala Penajuh yang dikatakan oleh Tun Seri Lanang (*Sejarah Melayu*, 1954:202; cetakan semula, 1995:183).

Kedua ialah tentang kalimat Begbie (mungkin petempatan Bugis awal). Pernyataan ini adalah satu indikasi yang jelas menunjukkan bahawa di kawasan tersebut pernah suatu ketika dahulu telah pun didiami oleh orang Bugis. Kenyataan Begbie ini selari dengan catatan Belanda yang memperakui bahawa di kawasan kuala Sungai Linggi itu sememang pernah didiami oleh orang Bugis pada sekitar awal abad ke-18.

Apa yang penting dalam huraian setakat ini ialah pada sekitar awal abad ke-16 nama 'Linggi' masih belum digunakan lagi. Maklumat yang ada hanya menamakannya sebagai Kuala Penajuh sahaja. Seabad selepas itu, nama Linggi (Linge) telah muncul dalam dokumen tetapi kedudukannya jauh di bahagian pedalaman. Linggi pada awal abad ke-17 ini, sehingga kini masih belum ada sebarang data. Petempatan ini telah 'hilang' begitu sahaja. Satu abad selepas itu, nama Linggi telah muncul sekali lagi. Kali ini kedudukannya telah berubah, iaitu di kawasan atau berhampiran dengan petempatan yang dikenali sebagai 'Kuala Penajuh' dua abad sebelum itu.

Pengidentifikasian Kuala Penajuh (Linggi) sebagai 'Linggi' ini telah dilakukan oleh penulis-penulis seperti Wilkinson dan Winstedt.<sup>2</sup> Selain daripada karya dua orang sarjana Barat tersebut, karya penulis 'sejarah' keturunan Bugis, Raja Haji Ahmad dan/atau Raja Ali Haji, dalam buku

#### LINGGI AWAL

*Tuhfat al-Nafis*<sup>3</sup> juga membicarakan Kuala Linggi. Dalam karya dua orang sarjana anak-beranak ini, kawasan 'Linggi' (Kuala Linggi) telah dihuraikan sebagai kawasan yang menjadi pusat kegiatan politik masyarakat Bugis. Mereka tidak membicarakan tentang masalah-masalah lain kecuali kawasan itu sebagai salah satu pusat kegiatan politik dan tempat untuk mengkonsolidasikan kekuatan bagi pemimpin-pemimpin daripada masyarakat Bugis; dan sebagai suatu kawasan yang mempunyai strategi ketenteraan.


Dengan demikian, dalam penulisan sejarah Linggi, Linggi Awal itu sebenarnya bermaksud sejarah Kuala Linggi (lihat Peta 6) pada abad ke-18. Walaupun demikian hakikatnya, oleh sebab kedua-dua tempat itu (Linggi Awal [Kuala Linggi] dan Linggi Kini) mempunyai persamaan dan ikatan keturunan penduduk, iaitu orang Bugis maka secara tidak langsung antara kedua-duanya adalah 'saling melengkapi'. Justeru itu maka dalam penulisan sejarah Linggi, sejarah kedua-dua tempat itu harus dihuraikan bersama.

#### KUALA LINGGI DALAM ABAD KE-16 DAN KE-17

Dari segi wilayah politik, sehingga tahun 1511 Kuala Linggi adalah di bawah takluk kesultanan Melayu Melaka. Apabila kerajaan Melayu Melaka jatuh, dan rajanya dalam pelarian, Kuala Linggi berada di bawah kekuasaan Portugis. Mengikut Eredia (1613) wilayah Portugis Melaka adalah merentang dari Kuala Panagim (Penajih/Penajis = Linggi sekarang) hingga ke Kuala Sungai Muar<sup>4</sup> (Mills, 1930:21). Namun, berdasarkan peta lakar Eredia (1613) terdapat satu petempatan yang dicatatkan sebagai *Linge* yang mengikut Mills (1930:209) adalah Linggi,<sup>5</sup> tetapi Eredia tidak memberikan sebarang keterangan atau huraian lanjut mengenainya.

Kuala Linggi, pada zaman Portugis adalah suatu kawasan yang banyak menyaksikan peristiwa berdarah. Ia merupakan pintu atau gerbang keluar masuk perdagangan dari kawasan pedalaman seperti Naning, Rembau dan Sungai Ujong ke Melaka serta pusat perdagangan lain dan sebaliknya. Dengan demikian sepanjang pemerintahan Portugis, pertelingkahan terutamanya antara kerajaan Rembau dan Portugis di Melaka sering berlaku di kawasan tersebut. Misalnya pada sekitar tahun 1514-16 Portugis telah membuat perkubuan di Kuala Penajih (Linggi). Kubu ini adalah untuk keperluan ketenteraan (iaitu menyekat sebarang serangan melalui sungai atau musuh dari kawasan pedalaman) dan bukan untuk tujuan ekonomi (iaitu menyekat dan/atau mencukai barang-barang perdagangan yang keluar masuk dari kawasan pedalaman). Kubu berkenaan tidak dikawal sepanjang masa tetapi hanya apabila ada keperluan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:93). Namun apabila kedudukan Portugis menjadi lebih stabil, kubu di Kuala Linggi ini, dengan dibantu oleh sebuah kapal yang sentiasa berlabuh di situ, telah menjadi pangkalan Portugis dalam usaha menyekat dan memaksa pedagang supaya berniaga di Melaka (Leupe, 1936:89). Selain

SEJARAH LINGGI



Peta 6 Kuala Linggi dan kawasan sekitarnya

daripada kepentingannya sebagai gerbang keluar masuk untuk ke kawasan pedalaman, petempatan-petempatan yang ada di wilayah Kuala Linggi termasuk di kawasan Kuala Sungai Baru, setakat ini tidak banyak yang diketahui.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641, Kuala Linggi telah diserahkan kepada kerajaan Johor yang banyak memberi bantuan kepada Belanda semasa menawan Melaka daripada Portugis. Pada tahun berkenaan (1641), wilayah takluk kerajaan Johor telah mengecil. Mengikut catatan *Dagh-Register*,<sup>6</sup> pada ketika itu, selain daripada Sungai Penagie (Kuala Linggi), kerajaan Johor hanya mengandungi Sungai Kelang, Sungai Siak, Lingga dan pulau-pulau di sekitarnya, Pulau Singapura, Rio Formosa (Sungai Batu Pahat), dan Muar (Andaya, 1957:37; 1987:49).

Sumber sejarah setempat tidak menyebut Kuala Linggi (Sungai Penajuh/Penajis) sebagai sebahagian daripada kerajaan Johor, melainkan *Hikayat Johor serta Pahang*. *Hikayat* ini juga tidak merujuk Kuala Linggi secara langsung. Ia timbul di kala penyusunnya mengesahkan pembunuhan Sultan Mahmud Syah II (1685–99). Mengikut *Hikayat Johor serta Pahang*, Megat Seri Rama, seorang pembesar sultan, semasa isterinya dibunuh<sup>7</sup> oleh Sultan, iaitu pada sekitar bulan Ogos 1699, sedang ‘melanggar [Kuala] Linggi’ (Fawzi Basri, 1983:39).

#### PENGIJRAHAN ORANG BUGIS KE KUALA LINGGI DAN KAWASAN SEKITARNYA

Daripada kenyataan yang disebutkan nyatalah bahawa Linggi (baik Linggi Kini mahupun Linggi Awal) faktor persamaannya adalah ‘orang Bugis’. Persoalan yang cuba dijawab ialah siapakah mereka itu? Dari mana mereka datang? Kenapa mereka berhijrah? Dan mengapa mereka membuat petempatan dan perkampungan di kawasan lembah paya bakau?

Tanah tumpah darah orang Bugis terletak di barat daya Pulau Sulawesi. Mereka ialah suku bangsa Melayu yang bersemangat dan bertenaga, cerdik serta agresif, pelayar atau pelaut yang mahir dan ahli perniagaan yang pintar. Mereka merupakan orang yang berbakat dalam peperangan dan pertempuran, dan apabila persengketaan antara orang Eropah dengan orang tempatan memuncak berebut menguasai perdagangan rempah di Asia Tenggara, mereka sangat dikehendaki sebagai tentera upahan, sama ada untuk berperang di laut mahupun di darat. Orang Bugis juga telah berjaya mencipta sejenis baju besi ala Eropah yang diubah suai daripada bentuk baju besi orang Portugis. Mereka juga sangat ulung menggunakan senapang lantak (Kennedy, 1962:58).

Makasar atau dikenali sebagai Ujong Pandang, ibu negeri Goa dan pelabuhan utama di Sulawesi Selatan menjadi penting kira-kira dalam tahun 1540. Pada sekitar tahun tersebut, menurut hikayat negeri Goa, pedagang

Melayu dari Johor telah sampai ke sana dan telah membuat perkampungan di Makasar. Mereka ini berulang-alik, di samping menjadi orang tengah dalam perdagangan antara Semenanjung Tanah Melayu, khususnya Johor di barat dengan Kepulauan Maluku di timur.<sup>8</sup> Besar kemungkinan mereka juga yang bertanggungjawab memperkenalkan agama Islam ke Makasar. Cerita-cerita daripada hikayat itu juga menunjukkan bahawa orang di Makasar dan Goa telah mengenali agama Islam sekurang-kurangnya suku abad sebelum mereka menganut agama itu. Pada 22 September 1605 Raja Goa dengan rasminya mengisytiharkan agama Islam sebagai agama negara (Vlekke, 1967:108).

Makasar telah mendapat manfaat daripada perkembangan politik dan ekonomi yang berlaku di Kepulauan Maluku, terutamanya kejatuhan kerajaan Ternate, kuasa terkuat di Kepulauan Maluku pada ketika itu, ke tangan Belanda. Belanda telah berjaya menyingkirkan pedagang-pedagang Portugis dan Sepanyol daripada kerajaan Ternate dalam tahun 1607. Pemerintah Ternate pula, untuk mengekalkan kedudukan dan 'kuasa' mereka telah mengakui Belanda sebagai pelindung.<sup>9</sup> Sejak dari tarikh itu ekonomi Ternate adalah di bawah kawalan Belanda (Pearn, 1963:86).

Kejatuhan kerajaan Ternate ini telah digunakan sebaik-baiknya oleh Makasar untuk meluaskan lagi wilayahnya dengan menyerang, misalnya, Pulau Butung, sebuah jajahan takluk Ternate yang terletak di bahagian tenggara Pulau Sulawesi. Dari satu segi penguasaan Belanda ke atas perdagangan di Kepulauan Maluku itu menyebabkan banyak berlaku penye- ludupan; dan Makasar telah menjadi pasar utama perdagangan sulit tersebut. Makasar telah menjadi kaya dan berkembang menjadi sebuah negara samudera yang kuat.

Kerajaan Makasar telah berkembang ke seluruh wilayah barat daya Sulwalesi. Sebahagian daripada wilayah timur Kalimantan juga telah dimasukkan ke bawah naungannya. Pulau-pulau Sumba dan Sembawa yang terletak arah ke timur Pulau Jawa, telah juga menjadi sebahagian daripada wilayahnya. Pelabuhan Makasar telah dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari pelbagai negara, termasuk Portugis, Perancis dan Inggeris. Belanda juga telah diberi satu pos perdagangan yang dibina dalam tahun 1609 di Makasar; tetapi mereka tidak berpuas hati dengan keadaan itu kerana terpaksa berkongsi dan/atau bertanding dengan pedagang-pedagang Eropah lain.

Polisi 'perdagangan bebas' kerajaan Makasar ini membuatkan pihak Belanda gagal mencapai matlamatnya, iaitu memonopoli perdagangan rempah; melainkan mereka berjaya menguasai keseluruhan Kepulauan Maluku dan menumpaskan kegiatan penyeludupan barangan tersebut, di mana Makasar memainkan peranan penting. Belanda, sebaliknya pula, masih teragak-agak untuk melakukan serangan langsung ke atas Makasar kerana kekuatan kerajaan tersebut. Pemerintah Makasar, Sultan Hasan

Udin telah memperkukuhkan lagi kedudukannya dan daya pertahanan kerajaannya dengan membeli bekalan senjata api dan meriam daripada pedagang-pedagang Inggeris dan Portugis.

Perhubungan antara pihak Belanda dan Makasar menjadi semakin buruk apabila pihak Belanda menghantar mubaligh-mubaligh Protestan ke Hal-mahera dan juga ke Pulau Seram. Tujuan Belanda berbuat demikian adalah untuk memperbaiki dan memperkukuhkan lagi pengaruh dan kekuasaan mereka ke atas kawasan-kawasan tersebut. Perbuatan ini, sebaliknya, telah menimbulkan kemarahan para pemerintah Islam di Makasar. Dengan demikian, Makasar merupakan masalah bagi Belanda untuk mencapai matlamat memonopoli perdagangan rempah.

Sebagaimana yang dinyatakan, Makasar adalah sebuah pelabuhan utama di Sulawesi Selatan dan merupakan pintu masuk ke kawasan perdagangan rempah. Kedua-dua peniaga Asia dan Eropah telah bertumpu ke Makasar untuk mendapatkan bekalan barangan tersebut. Melalui Makasar pula, beras, emas dan barang-barang dari India, China dan Eropah telah diseludup oleh peniaga-peniaga Bugis ke Pulau Seram untuk ditukar ganti dengan bunga cengkih. Justeru itu pihak Belanda telah berusaha untuk menawannya. Dengan tertakluknya Makasar maka Belanda bolehlah membina 'satu tembok' di sekitar 'kepulauan rempah', dan dengan itu memperolehi monopoli ke atas perdagangan berkenaan.

Syarikat Hindia Timur Belanda, apabila agak bebas daripada komitmen lain, telah menumpukan tenaganya untuk menawan Makasar supaya bandar itu boleh ditadbirkan selari dengan polisi monopolinya. Dalam tahun 1660 pihak Belanda di bawah pimpinan John van Dam, telah berjaya memaksa pemerintah Makasar memberhentikan perdagangannya dengan Kepulauan Rempah, melalui suatu perjanjian.<sup>10</sup> Namun, dalam tahun-tahun berikutnya, pihak Bugis telah gagal mematuhi syarat-syarat perjanjian tersebut dan kembali kepada sikap permusuhan seperti dahulu. Justeru itu, dalam tahun 1666, dengan bantuan Aru Palakka,<sup>11</sup> pemerintah Boni, sebuah kerajaan di Sulawesi, yang keluarganya telah dibunuh oleh Sultan Hasan Udin, pihak Belanda di bawah pimpinan Cornelis Janszoon Speelman, telah menghantar satu ekspedisi tentera untuk menyerang Makasar.

Selepas berlaku pertempuran hebat, akhirnya pada 18 November 1667, Makasar telah berjaya ditakluki dan melalui Perjanjian Bongaya<sup>12</sup> diletakkan di bawah pentadbiran Belanda. Satu garison tentera Belanda telah ditempatkan di situ. Empat bulan selepas itu, dalam tahun 1668, Sultan Hasan Udin sekali lagi cuba memungkirinya syarat-syarat perjanjian itu. Belanda mendapati perlu untuk memecat pemerintah Makasar dan meletakkan wilayah Sulawesi Selatan di bawah pemerintahan seorang gabenor Belanda dengan ibu pejabatnya di Makasar. Dengan itu kemerdekaan seluruh Sulawesi telah hapus semua sekali.


Tindak-tanduk Belanda ini tidak hanya membangkitkan semangat permusuhan dan penentangan daripada kebanyakan orang Bugis tetapi juga, telah menghapuskan kerjaya sebilangan besar peniaga-peniaga Bugis yang bergantung hidup kepada perniagaan rempah. Kumpulan orang Bugis tertentu berasa lebih rela berhijrah ke tempat dan negeri lain daripada duduk di bawah pemerintahan Belanda. Kumpulan orang Bugis yang pintar dengan bersenjata lengkap telah keluar meninggalkan kampung halaman dan belayar, di bawah pimpinan ketua-ketua tradisional mereka untuk memulakan usaha dan membuka tempat tinggal baru di negeri-negeri lain. Sebahagian daripada mereka telah membuka petempatan di utara dan selatan Borneo (Sabah dan Kalimantan sekarang) dan bahagian timur Pulau Jawa; yang selebihnya terus ke barat lagi sehingga ke Selat Melaka (lihat Peta 7).

Kelompok yang terakhir ini telah membuka petempatan di bahagian pedalaman, tetapi tidak jauh dari tepi pantai, terutamanya di lembah Sungai Kelang. Mengikut catatan *Dagh-Register* Belanda, menjelang tahun 1681 di lembah Sungai Kelang dan Selangor telah wujud beberapa buah perkampungan besar Bugis; dan dalam tahun 1700 Tok Engku Kelang, saudara kepada Sultan Abdul Jalil Riayat Syah Johor telah memberi satu mohor kuasa kepada seorang Yamtuan Bugis untuk bergerak bebas di Sungai Selangor (Winstedt, 1962:144).

Penghijrah-penghijrah Bugis yang sampai di lembah Sungai Kelang itu lebih berminat membuka petempatan baru di kawasan pantai yang berpayau daripada di bahagian daratan di pedalaman. Ada beberapa sebab yang boleh diutarakan tentang pemilihan tempat ini. Kawasan pantai adalah berhampiran dengan jalan lalu lintas perdagangan utama (Selat Melaka) ketika itu. Lokasi seperti ini memberi mereka peluang untuk bergiat dalam perniagaan atau menjadi 'perompak'. Lembah Sungai Kelang, dan paya bakau yang bersebelahannya memberikan tempat perlindungan semula jadi yang sukar ditembusi oleh musuh mereka. Di petempatan baru ini tidak ada kawasan yang menghasilkan rempah, tetapi dalam kuantiti kecil, terdapat komoditi dagangan lain, iaitu bijih timah. Di samping itu, di beberapa tempat tertentu, penghijrah Bugis itu telah berjaya mengusahakan penanaman gambir yang pernah mereka usahakan di negara asal mereka dahulu. Seperkara lagi yang membuatkan mereka memilih tempat-tempat seperti itu untuk perkampungan ialah di kawasan berkenaan mereka tidak takut mendapat tentangan serius daripada mana-mana pihak.

Perkampungan Melayu yang kecil dan berselerak yang ada di kawasan tersebut tidak mempunyai kesatuan politik, dan walaupun ada terlalu rapuh. Pada teorinya, kekuasaan adalah di bawah kerajaan Johor, dan sebarang perdagangan bijih timah di lembah Sungai Kelang, juga pada teorinya, adalah suatu persetujuan antara Sultan Johor dengan Belanda di Melaka. Ia tidak menyentuh dan melibatkan rakyat biasa secara langsung.





Peta 7 Penghijrahan orang Bugis sekitar 1680

## SEJARAH LINGGI

Semasa orang Bugis membuka petempatan di Selangor, kerajaan Johor sedang menghabiskan tenaga dan sumber dalam satu siri peperangan dengan beberapa kerajaan tempatan. Pada masa yang sama pula, perhatian utama pihak Belanda di Melaka adalah tertumpu kepada percubaan untuk memperolehi monopoli ke atas bijih timah yang baru ditemui di Siak, Sumatera, daripada kerajaan Johor.

Dalam keadaan beginilah beberapa kumpulan orang Bugis telah berpindah dari Selangor dan membuat petempatan baru di sisi perkampungan Melayu dan keturunan Minangkabau yang sedia ada di Kuala Linggi.


### LOKASI PETEMPATAN LINGGI (KUALA)

Setakat ini kita boleh mengandaikan di manakah letaknya pusat perkampungan Kuala Penajah yang disebut oleh *Sejarah Melayu* itu. Seperti dinyatakan Kampung Kuala Linggi adalah sehingga ke Tanjung Serai hari ini. Persoalan yang timbul berikutnya ialah adakah perkampungan yang sama juga telah didiami oleh penghijrah-penghijrah Bugis pada abad ke-18? Atau, mereka telah membuka petempatan baru di kawasan Kuala Linggi juga, tetapi berlainan daripada petempatan Kuala Penajah itu.

Untuk tujuan ini, kita perlu melihat kembali tulisan Begbie (1834). Begbie semasa menghuraikan keadaan Sungai Linggi dan kawasan sekitarnya (Begbie, 1934, cetakan semula, 1967:390–407) secara tidak langsung memberi petunjuk tentang petempatan berkenaan. Menurut Begbie (1834, cetakan semula 1967: 393-94), kawasan berhampiran dengannya (Kuala Linggi) sehingga ke Telohpuan, ada sebatang anak sungai kecil yang juga bernama Telohpuan. Air sungai ini akan hampir kering apabila air surut. Ia juga mengalir ke Sungai Linggi. Pada masa dahulu anak sungai ini terkenal sebagai tempat lanun menghendap.

Ini secara tidak langsung memberikan kita dua petunjuk. Pertamanya, ialah lokasi anak sungai kecil—Sungai Telohpuan—yang terletak di bahagian hulu sedikit dari Kuala Linggi. Keduanya, anak sungai tersebut adalah 'tempat lanun menghendap'.

Dalam penulisan sejarah Nusantara, terutama sekali oleh pihak Belanda, orang Bugis sering dikatakan, sebagai 'lanun' atau 'perompak',<sup>13</sup> disamping menjadi 'tentera upahan'. Sebagai 'lanun' tempat tinggal mereka, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18, adalah berhampiran dengan paya bakau (Kennedy, 1962:59–60), seperti kawasan persekitaran di antara Kuala Linggi dengan Sungai Telohpuan. Berdasarkan kenyataan ini dan keperluan mereka, kawasan antara Kuala Linggi dengan Telok Serai tidak mungkin menjadi petempatan mereka. Kawasan di pantai Selat Melaka, tidak terdapat paya bakau melainkan pasir laut. Kawasan yang berpaya bakau terdapat di kiri kanan tebing Sungai Linggi yang menghala ke arah hulunya (lihat Peta 8).



Peta 8 Lokasi petempatan awal 'Kuala Penajuh' dan 'Kuala Linggi'

Selanjutnya, *Tuhfat al-Nafis* (1982:77), semasa menceritakan kisah pergaduhan antara orang Linggi (di bawah pemerintahan Raja Kecil) dengan orang Bugis, Raja Ali Haji menyatakan bahawa Kelana Jaya Putera serta opu-opu saudaranya serta menteri-menterinya berangkatlah ke Linggi dengan kelengkapannya itu. Apabila semua sampai ke Linggi lalulah masuk ke dalam Sungai Linggi sambil disuruhnya amuk kubu-kubu itu.

Ini memperjelas lagi akan kedudukan petempatan orang Bugis di Kuala Linggi. Kenyataan ini juga secara tidak langsung menyokong kenyataan awal tadi yang menyatakan bahawa petempatan Bugis pada abad ke-18 terletak di bahagian hulu muara Sungai Linggi dan tidak di pesisir pantai Selat Melaka. Pernyataan *Tuhfat al-Nafis* semasa menggambar arah yang harus dilalui oleh angkatan perang orang Bugis tersebut untuk sampai ke kawasan berkenaan telah menggunakan kalimat *masuk ke dalam Sungai*

## SEJARAH LINGGI

*Linggi*. Ini bermakna kawasan tersebut terletak ke arah hulu sedikit daripada Kuala Linggi. Besar kemungkinan tempat petempatan awal orang Bugis di Kuala Linggi. itu adalah di sekitar daratan anak sungai kecil Telohpuan dan berhampiran dengan petempatan Melayu di antara Kuala Linggi dan Tanjung Serai.

## ORANG BUGIS

Sejarah Semenanjung Tanah Melayu mulai dari tahun-tahun akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18 telah memperlihatkan kemasukan satu elemen baru, iaitu orang Bugis. Dalam tempoh masa yang tidak sampai seabad mereka telah berjaya merombak tradisi diraja Melayu yang sebelum itu dikatakan sebagai mempunyai titisan darah dari Palembang, khususnya Bukit Siguntang Mahameru.<sup>14</sup> Dalam perkembangan sejarah Semenanjung Tanah Melayu pada tahun-tahun berikutnya, mereka telah memainkan peranan aktif dan penting dalam pergolakan siasah yang berlaku di negeri-negeri Melayu di sekitar Selat Melaka. Kehadiran mereka di perairan Selat Melaka telah dirasakan oleh semua pihak, baik oleh raja-raja Melayu mahupun penjajah Barat, iaitu Belanda. Dalam masa kelemahan kepimpinan Melayu setempat akibat percakaran sesama sendiri, ditambah pula oleh tekanan daripada pihak penjajah Belanda, orang Bugis telah mengambil kesempatan untuk menjadi 'pembela' dan 'wira' kepada pihak-pihak tertentu. Akhirnya mereka telah berjaya meresapkan pengaruh ke dalam struktur dan organisasi kepimpinan kerajaan Melayu khususnya di Selangor dan Johor. Justeru itu putera-putera Bugis sama ada menjadi kuasa di belakang takhta kerajaan ataupun terus mengambil alih teraju kerajaan Melayu. Pangkalan utama putera-putera Bugis berkenaan menjalankan kegiatan dalam usaha mencapai matlamat tersebut ialah Kuala Linggi. Hampir satu abad Kuala Linggi telah dijadikan pusat utama oleh orang Bugis untuk kegiatan tersebut.

Apa yang kurang jelas kepada kebanyakan penuntut dan peminat sejarah negeri-negeri Melayu adalah siapakah sebenarnya orang Bugis itu? Umum mengeneralisasikan bahawa orang Bugis yang dikenal dalam percaturan politik negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu adalah berasal dari Sulawesi. Ini agak mengelirukan kerana bukan semua orang Bugis terdiri daripada suku bangsa Bugis. Orang Bugis pada hakikatnya berasal daripada beberapa kelompok suku bangsa. Secara umum terdapat sekurang-kurangnya empat suku bangsa utama, iaitu suku bangsa toRaja, toMenre atau Mandar, toUgi atau Bugis dan suku bangsa toMengkasara atau Makasar. Antara empat kelompok suku bangsa tersebut, dua daripadanya, iaitu toRaja dan toMenre hampir tidak dikenali dalam percaturan politik negeri-negeri Melayu.

Suku bangsa Bugis yang berperanan dalam senario politik Semenanjung

Tanah Melayu pada abad ke-18 adalah daripada suku bangsa toUgi dan toMengkasara. Suku bangsa toUgi terdiri daripada beberapa kelompok suku bangsa lain; antaranya ialah suku bangsa Wajo, Soppeng, Bone dan Balangnipa. Suku bangsa toMengkasara pula terdiri daripada antara lain suku bangsa Goa, Bontonompo, Takalara, Jeneponto dan Tombolo. Kelompok suku bangsa toUgi dan toMengkasara tersebut mendiami sebahagian besar kawasan di Sulawesi Selatan sekarang. Kawasan berkenaan umumnya menggunakan bahasa Bugis dan bahasa Makasar (Hamid Abdullah, 1982:32).

Sejarah kedua-dua suku bangsa tersebut banyak diisi dengan sengketa untuk merebut pucuk kepimpinan, serta meluaskan pengaruh dan wilayah di Sulawesi selatan. Konflik politik yang terkenal dalam sejarah toUgi dan toMengkasara berlangsung pada sekitar pertengahan abad ke-17. Pada ketika itu toUgi adalah di bawah kekuasaan Aru Palakka (atau nama penuhnya Aruppalakka Petta Malampee Gemmena) dan toMengkasara dipimpin oleh Sultan Hassan Udin. Ketika peperangan itu, toMengkasara mendapat bantuan dari kerajaan Wajo, salah sebuah kerajaan di wilayah toUgi. Sebaliknya pula, seperti dinyatakan, toUgi mendapat bantuan langsung daripada pemerintah Belanda. Peperangan ini berakhir dengan termaterinya Perjanjian (Cappaya ri) Bongaya pada 18 November 1667 (Hamid Abdullah, 1984:19).

Dari segi politik kedua-dua suku bangsa itu sering berkonflik, namun dari segi sosiobudaya mereka tidak banyak berbeza. Kalaupun terdapat beberapa perbezaan, kelainan itu tidaklah terlampau jauh. Keminimuman perbezaan sosiobudaya antara toUgi dan toMengkasara adalah disebabkan mereka, pada suatu masa dalam sejarah, bersumber daripada satu kebudayaan yang dikenali sebagai 'kebudayaan Bugis-Makasar' (Hamid Abdullah, 1984:2 dan nota kaki 2). Mereka inilah, terutama sekali pemimpin yang tidak senang dengan pemerintahan Belanda serta yang berkonflik dengan kuasa tertinggi setempat, yang di luar wilayah Sulawesi. Di Semenanjung Tanah Melayu mereka dikenali sebagai 'orang Bugis' sahaja. Nama 'Makasar' yang sepatutnya mengikuti istilah 'Bugis' tidak disebut.

Satu lagi perkara yang menarik tentang orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu adalah gelaran pemimpin mereka, iaitu daing. Gelaran daing ini juga banyak menimbulkan pertanyaan tentang kelompok suku bangsa asal mereka, iaitu sama ada orang Bugis (toUgi) atau orang Makasar (toMengkasara). Sebenarnya istilah 'daing' adalah berasal daripada kelompok orang Makasar; akan tetapi dalam perkembangan sejarah kemudian istilah itu telah juga digunakan oleh orang Bugis (toUgi). Sekarang adalah sukar untuk memastikan dengan tepat sejak bila kelompok suku bangsa toUgi (Bugis) turut serta menggunakan istilah daing. Sebagai dinyatakan, kebudayaan kedua-dua suku bangsa toUgi dan toMengkasara itu, pada suatu ketika dalam sejarah telah berasimilasi antara satu dengan

#### SEJARAH LINGGI

yang lain sehingga hari ini tidak lagi mempunyai batas-batas yang jelas. Mereka seolah-olah adalah pengamal suatu sistem budaya sahaja (Hamid Abdullah, 1984:2-3).

Rumusan yang dapat diutarakan di sini ialah orang Bugis yang terlibat dalam pergolakan politik negeri-negeri Melayu pada abad ke-18 itu adalah orang Bugis-Makasar, iaitu gabungan suku bangsa toUgi dan to Mengkasara. Mereka bukannya terdiri daripada ahli-ahli suku bangsa Bugis dalam erti kata berasal daripada kelompok suku bangsa toUgi sahaja.

#### PETEMPATAN AWAL ORANG BUGIS DI KUALA LINGGI

Pada 25 Oktober 1701 Bendahara Tun Mas Anum<sup>15</sup> daripada kerajaan Melayu Johor telah memberi taklimat kepada anggota misi Belanda dari Melaka. Dalam taklimat itu, antara lain Bendahara telah melaporkan bahawa beliau menganggarkan di Linggi terdapat seramai lebih kurang 600 orang Bugis, tidak termasuk wanita dan kanak-kanak. Mereka berpindah ke sana dari Selangor tanpa keizinan dan kebenaran kerajaan Johor<sup>16</sup> (Andaya 1975:200, 1987:267).

Berdasarkan laporan Bendahara ini nyatalah bahawa Kuala Linggi telah didiami oleh orang Bugis. Mereka telah mula membuat perkampungan di sana mungkin pada akhir abad ke-17 atau pada awal tahun 1700-1 lagi. Mereka datang bukannya sebagai satu kumpulan besar tetapi beberapa kelompok kecil. Berdasarkan informasi yang ada, sekurang-kurangnya ada tiga kumpulan yang membuat kampung di situ. Pemimpin yang diketahui namanya adalah Punggawa toMingo, toCampo dan Datuk Janggut. Sebagai yang dilaporkan oleh Bendahara Tun Mas Anum, mereka ini datang dari Selangor, berkemungkinan dari daerah Langat.

Kehadiran orang Bugis di Kuala Linggi membuatkan pemerintah Belanda di Melaka tidak senang hati. Belanda masih ingat akan kepahitan peristiwa yang mereka alami di Sulawesi dan di Jawa di kala berhadapan dengan orang yang suka berperang itu.<sup>17</sup> Belanda juga mempersoalkan tujuan sebenar perpindahan orang Bugis dari tempat mereka di Selangor ke Kuala Linggi, suatu tempat yang berhampiran malahan bersempadanan dengan wilayah Belanda. Apakah perpindahan ini merupakan satu insentif awal orang Bugis dalam usaha membalas dendam lama (peristiwa penaklukan kerajaan Makasar) mereka ke atas Belanda? Oleh itu, pihak Belanda telah mendesak kerajaan Johor supaya bertindak mengusir orang Bugis tersebut keluar dari Kuala Linggi. Malahan ini adalah salah satu daripada tujuan<sup>18</sup> Belanda menghantar utusan yang terdiri daripada Syahbandar Melaka Willen van der Lely dan Leftenan Muda Victor Victorszoon, ke Johor pada awal Oktober 1701 (Andaya, 1975:199, 1987:266).

Belanda terpaksa meminta kerajaan Johor menghalau orang Bugis di Kuala Linggi kerana kawasan itu bersempadanan dengan wilayah Belanda

dan 'terlalu' hampir dengan pusat pentadbiran Melaka. Di samping itu Kuala Linggi adalah satu kawasan yang strategik dari segi ketenteraan dan ekonomi. Ia adalah jalan keluar barang-barang dagangan dari wilayah pedalaman seperti Rembau, Sungai Ujong dan Nanning. Lebih kurang setahun selepas *coup* 1699<sup>19</sup> kebanyakan daripada barangan dagangan, terutama hasil bijih timah dari kawasan pedalaman lembah Sungai Linggi telah dibawa ke Melaka melalui Kuala Linggi; dan bukan lagi ke Johor seperti sebelum itu (Andaya, 1975:198, 1987:265). Dengan itu, seandainya orang Bugis dapat bertapak kukuh dan berkuasa di Kuala Linggi, keadaan ini, baik secara langsung ataupun tidak, akan menjejaskan kepesatan ekonomi dan 'keamanan' Melaka. Walaupun keadaan ekonomi dan politik Johor pulih semula (dan ini telah pun berlaku di sekitar awal 1701), kehadiran orang Bugis di Kuala Linggi tetap menjadi 'duri dalam daging' kepada kerajaan Belanda di Melaka.

Dari segi lain, Kuala Linggi dianggap oleh Belanda dan Johor sebagai jajahan takluk Johor. Sebagaimana dinyatakan, pada awal tahun 1701, kerajaan Johor, di bawah pimpinan Bendahara Tun Mas Anum telah membangunkan arah mencapai kestabilan dan kepulihannya sebagai suatu kuasa kuat di Alam Melayu. Dengan demikian, untuk menjaga kepentingan bersama, Belanda di Melaka tidak dapat (atau tidak mahu) untuk bertindak sendiri mengusir mereka keluar dari sana. Belanda terpaksa 'merayu' kepada kerajaan Johor supaya menghalau orang Bugis dari Kuala Linggi.

Bendahara Tun Mas Anum agak lambat bertindak; walaupun pada 2 November 1701 beliau memberi jaminan kepada duta Belanda di Johor bahawa dalam tempoh sebulan, beliau akan menghantar wakilnya ke Kuala Linggi untuk menyelesaikan masalah perkampungan 'haram' orang Bugis di situ. Pada hakikatnya, kehadiran orang Bugis di Kuala Linggi itu tidak pernah menjadi ancaman kepada kerajaan Johor. Mereka, seperti juga orang Bugis di wilayah Johor lain, seperti Selangor (lembah Sungai Kelang dan Langat), telah menjadi sebahagian daripada sistem pentadbirannya (Andaya, 1957:229, 1987:305). Namun, kerajaan Johor memahami kebudayaan mereka, iaitu orang Bugis akan kekal di bawah pimpinan mereka dan hanya memberikan taat setia kepada kerajaan Johor pada namanya sahaja. Sikap mereka inilah, mungkin mencurigakan kerajaan Johor terhadap mereka.

Keadaan dan pendirian inilah yang melewatkan kerajaan Johor bertindak memenuhi permintaan kerajaan Belanda di Melaka. Menjelang bulan Februari 1702 kerajaan Johor masih belum melakukan sebarang usaha menuju ke arah penyelesaian tersebut. Syahbandar Melaka, Willen van der Lely, sendiri dalam bulan Februari 1701 terpaksa berhubung dengan Bendahara Tun Mas Anum dan menegaskan serta menyatakan sekali lagi bahawa orang Bugis di Kuala Linggi tidak langsung boleh dipercayai dan perlu dihukum (Andaya, 1975:201, 1987:269).

Pada bulan September 1702 baharulah kerajaan Johor bertindak memanggil pemimpin Bugis di Kuala Linggi untuk datang ke Johor membincangkan petempatan 'haram' mereka di sana. Pemimpin yang dijemput adalah Punggawa toMingo. Namun, oleh sebab di kalangan pemimpin-pemimpin Bugis di situ tiada persefahaman dan ada rasa iri hati serta cemburu antara satu dengan yang lain, maka pemimpin-pemimpin, khususnya toCampo, tidak senang hati dengan pemergian toMingo itu. Mereka berasa bimbang dan curiga kerana tidak dipanggil bersama bagi merundingkan masa depan perkampungan mereka dalam pertemuan itu. Mereka berasa bahawa mereka telah diketepikan dalam mencari dan membuat sebarang perjanjian antara kerajaan Johor dengan orang Bugis di Kuala Linggi. Justeru itu, beberapa hari selepas pemergian toMingo, toCampo juga turut ke Johor menghadap Sultan Abdul Jalil Riayat Syah. Bagaimanapun, sejarah setakat ini kurang jelas sama ada toCampo bersama atau tidak dalam perundingan tersebut.

Dalam pertemuan itu, orang Bugis telah diminta supaya meninggalkan Kuala Linggi. Mereka diminta balik dan menetap semula di Selangor. Setelah berunding, pihak Bugis telah bersetuju dengan permintaan kerajaan Johor itu demi kepentingan semua pihak dan mengelakkan daripada berlakunya pertelingkahan. Keputusan rundingan itu telah disampaikan sendiri secara lisan oleh toMingo kepada pihak Belanda di Melaka. Beliau dalam bulan Oktober 1702, dalam perjalanannya ke Kuala Linggi telah membayangkan kepada Belanda bahawa di kalangan pemimpin-pemimpin Bugis di Kuala Linggi tidak wujud persefahaman dan kesatuan.

'Berita angin' ini hanya diberitahu secara rasmi kepada kerajaan Belanda pada 6 November 1702. Pada tarikh tersebut barulah Syahbandar Melaka menerima surat daripada Bendahara Tun Mas Anum mengesahkan keputusan Sultan Abdul Jalil memberikan keizinan kepada orang Bugis untuk pulang ke Selangor dari Kuala Linggi tanpa dikenakan sebarang hukuman. Orang Bugis tersebut telah keluar dari Kuala Linggi secara berperingkat-peringkat. Kumpulan yang terakhir keluar dan merupakan kumpulan kecil, adalah kumpulan di bawah pimpinan Datuk Janggut. Mereka tinggal di situ untuk suatu jangka waktu yang singkat. Akhirnya, pada awal tahun 1703 mereka juga telah berpindah ke Selangor (Andaya, 1875:202, 1987:269-70).

Dengan berpindahannya orang Bugis pada akhir tahun 1702 dan awal tahun 1703 ini maka berakhirilah perkampungan Bugis di Kuala Linggi. Ini tidak pula bermakna bahawa kawasan Kuala Linggi tidak berpenghuni lagi. Kawasan tersebut masih didiami oleh penduduk yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu dan keturunan Minangkabau dari Sumatera (Siak, Rokan dan Kuantan). Mereka adalah di bawah pimpinan seorang penghulu.



1. Dari segi semantik antara kata purba (ancient) dan tua (old) mempunyai maksud yang berbeza setidak-tidaknya dalam konteks masa. Dengan demikian, penukaran kata 'purba' (ancient) kepada 'lama' (old) dalam penulisan Begbie ini mungkin hanya suatu gaya penulisan, iaitu mengelakkan pengulangan. Walau bagaimanapun diakui bahawa penginterpretasi ini adalah relatif. Untuk mencari kepastian, sebagai disarankan, kajian mendalam harus dijalankan.
2. Lihat R.J. Wilkinson, 'Sungai Ujong' dalam *JSBRAS*, 83, 1921:138-9 serta R.O. Winstedt, 'A History of Johor (1673 - ca. 1800 A.D.)' dalam *JMBRAS*, 10(1), 1932:164 dan juga karyanya 'Negeri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of the Nine States', dalam *JMBRAS* 12(3), 1934:58.
3. Buku *Tuhfat al-Nafis* mempunyai dua bentuk, iaitu satu versi panjang dan sebuah lagi versi pendek. Versi pendek dipercayai hasil usaha Raja Haji Ahmad. Versi ini telah diterbitkan semula oleh Penerbit Fajar Bakti (1982) selenggaraan Virginia Matherson. Versi ini telah ditulis dalam tahun 1865-6. Versi panjang yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1991) selenggaraan Virginia Matherson Hooker, adalah penyempurnaan versi pendek oleh Raja Ali Haji, iaitu anak Raja Haji Ahmad. Penulisan versi panjang ini telah dihabiskan sebelum tahun 1872 (Matherson Hooker, 1991:45).
4. Di zaman Gabenor Bort (1678) 'bidang kuasa' Melaka melampaui Kuala Panagie (Linggi), iaitu sehingga ke Callang (Kelang). Untuk keterangan lanjut lihat juga Bort, 1678 dalam Brenner, 1927:49. Mengikut Valentyn (1720) pula 'wilayah' Melaka hanya merentang sepanjang 30 batu dan selebar 10 batu (Hervey, 1884:50).
5. Petempatan *Linge* dalam peta lakar Eredia ini akan diterangkan dengan lebih lanjut.
6. *Dagh-Register*, 1640-1: 3 April 1641; hal. 226.
7. Sumber-sumber setempat menyatakan bahawa sebab Megat Seri Rama menderhaka adalah kerana Sultan telah membelah perut isterinya yang sedang mengandung akibat mengidam lalu memakan seulas nangka santapan Sultan (untuk keterangan lanjut lihat *Tuhfat al-Nafis*, 1982:44, 1991:175; *Hikayat Siak*, 1992:108). Sumber Belanda pula tidak menyebut peristiwa memakan seulas nangka, tetapi memberi sebab sebagai: sebab utama yang diberikan oleh orang Johor kerana berlakunya pembunuhan (Sultan Mahmud) itu adalah kerana kezaliman baginda yang tidak bertanggung oleh rakyat, bertambahnya bilangan yang dibunuh sesuka hati baginda, dan tindak-tanduk baginda yang melampau terhadap isteri-isteri Orang Kaya. Amalan baginda yang suka memaksa isteri Orang Kaya untuk tidur dengan baginda dan kemudian diperlakukan sesuka hati dengan dahsyatnya akhirnya mendorong salah seorang daripada Orang Kaya itu menderhaka (Andaya, 1975:186, 1987:249).
8. *Hikayat Negeri Goa* juga mengisahkan bahawa pedagang-pedagang Johor itu telah berlayar lebih jauh lagi, iaitu sehingga ke pantai Australia di selatan (Vlekke, 1967:108).
9. Sebelum itu, pada tahun 1602, Belanda telah menguasai Pulau Banda di mana mereka telah mendapat monopoli perdagangan buah pala daripada ketua-ketua tempatan; tetapi cara Belanda mengawal perdagangan telah menimbulkan kebencian di kalangan pembesar dan penduduk tempatan menyebabkan dalam tahun 1623, Belanda terpaksa melakukan penaklukan tentera ke atas keseluruhan pulau tersebut. Pada tahun 1605 Belanda telah menawan kota Portugis di Pulau Ambon. Kedua-dua buah pulau itu (Banda dan Ambon) adalah wilayah takluk kerajaan Ternate.
10. Selain itu Sultan Hasan Udin juga dipaksa bersetuju supaya tidak masuk campur dalam hal-hal berkaitan dengan kegiatan Belanda di Butung dan Manado; dan menyingkirkan orang Portugis dari wilayahnya (Hall, 1971:384).
11. Dalam tahun-tahun sebelumnya dan berikutnya Aru Palakka telah banyak membantu Belanda menawan negeri-negeri Nusantara. Misalnya dalam tahun 1660 beliau telah membantu mengalahkan kerajaan Minangkabau (Manulaitta, 1966:96-7); kemudian dalam tahun 1679, dengan pengikut seramai empat ribu orang bersama dengan Jonker dari Pulau Ambon telah mengalahkan kerajaan Islam terkuat di Jawa Tengah dan Jawa Timur di bawah pim-

## SEJARAH LINGGI

pinan Trunajaya, Putera Madura (Hamka, 1965:572-9 Vlekke, 1967:197). Selain itu beliau juga telah membantu Belanda menawan Mataram (Vlekke, 1967:204). Atas jasanya itu Aru Palakka telah diberi bintang emas oleh Belanda dalam suatu istiadat di Betawi dalam tahun 1666 (Manulaitta, 1966:96).

12. Melalui perjanjian ini Sultan Hasan Udin bersetuju: mengakui pertuanan Belanda, meruntuhkan kota-kotanya, memberi monopoli perdagangan kepada Belanda, menyingkirkan semua orang Eropah yang bukan Belanda, membayar ganti rugi yang besar, membenarkan Belanda menduduki kota utamanya Makasar, yang kemudiannya dinamakan Kota Rotterdam mengikut nama tempat Speelman dilahirkan (Hall, 1971j:384-5).

13. Lihat penulisan sarjana-sarjana Barat seperti: Winstedt (1962:144), Kennedy (1962:59), Pearn, (1963:76, 92), Vlekke, 1967:204-5), Hall (1971:406) dan juga Andaya (1975:2, 296; 1987:3, 393).

14. Untuk keterangan lanjut tentang mitos asal usul raja-raja Melayu lihat 'Cetera Yang Kedua' buku *Sejarah Melayu* (1954:18-30, cetakan semula 1995:16-6).

15. Bendahara Tun Mas Anum adalah menteri yang berpengaruh dalam kerajaan Johor antara tahun 1699 sehingga 1708. Beliau adalah adik Sultan Abdul Jalil Riayat Syah (1699-1719). Baginda sebelum menjadi sultan adalah Bendahara Johor. Apabila Sultan Mahmud Syah (1689-9) mati dibunuh oleh Megat Seri Rama, Abdul Jalil telah dilantik menjadi sultan Johor yang baru.

16. Dalam masalah Bugis di Kuala Linggi ini, Sultan dan Bendahara bertentangan pendapat. Sultan ingin mengusir sahaja mereka dari Kuala Linggi, tetapi Bendahara, secara berhadapan, menyatakan beliau ingin menyelidik terlebih dahulu apakah jenis mereka itu sebelum memutuskan sama ada dapat membenarkan mereka tinggal di sana atau menghalau mereka keluar (Andaya, 1975:200, 1987:268).

17. Untuk keterangan lanjut lihat Vlekke, 1967:164-83 dan Hall, 1971:348-85.

18. Tujuan dasar misi Belanda ke Johor pada 6 Oktober 1701 adalah untuk membarui tali persahabatan dengan sultan yang baharu dan untuk memastikan apa-apa perubahan yang telah berlaku di sana.

19. *Coup* yang dimaksudkan di sini ialah pembunuhan Sultan Mahmud Syah dan perlantikan Bendahara Abdul Jalil menjadi Sultan Johor yang baharu. Dalam tahun pertama selepas *coup*, keadaan politik Johor genting. Ekonominya juga turut merosot. Kapal-kapal asing tidak lagi ke sana kecuali beberapa buah tongkang Cina dan kapal-kapal Jawa. Bagaimanapun, menjelang Januari 1701, perdagangan Johor telah mula menunjukkan kestabilan dan beransur pulih semula.